



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSENTIF CUKAI BAGI
PENGANJURAN PERSIDANGAN
DI MALAYSIA**

KETETAPAN UMUM NO. 2/2022

TARIKH PENERBITAN: 29 JULAI 2022

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Pertama

© 2022 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN

Muka surat

1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Insentif Cukai	3
6. Akaun Yang Diasingkan	7
7. Penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan	7
8. Penafian	7

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan insentif cukai yang disediakan kepada:

- (a) Penganjur persidangan yang menjalankan promosi dan mengelolakan persidangan di Malaysia sebagai aktiviti utama; dan
- (b) Orang yang layak di mana aktiviti utamanya adalah selain daripada mempromosi dan menganjurkan persidangan di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuatkuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7, 8, 21 dan 21A.
- 2.3 Perundangan subsidiari yang berkaitan adalah:
 - (a) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.53) 2000 [P.U.(A) 500/2000]; dan
 - (b) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.4) 2021 [P.U.(A) 195/2021]

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Orang yang layak” bermaksud syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 atau persatuan atau organisasi yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 yang menjalankan perniagaan atau aktiviti selain perniagaan atau aktiviti mempromosikan dan menganjurkan persidangan.
- 3.2 “Pemastautin” bermaksud pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) seperti yang ditentukan di bawah seksyen 7 dan seksyen 8 ACP.

- 3.3 “Pendapatan berkanun”, berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.4 “Penganjur persidangan” bermaksud syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 atau persatuan atau organisasi yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 yang melaksanakan tugas menganjur dan mengelola persidangan termasuklah mengurus penginapan, pelancongan dan darmawisata bagi peserta asing;
- 3.5 “Peserta asing” bermaksud individu bukan warganegara Malaysia yang menyertai persidangan yang diadakan di Malaysia tetapi tidak termasuk individu yang bukan warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia.
- 3.6 “Tahun Taksiran” tertakluk kepada subseksyen 2(5) ACP bermaksud tahun kalendar.
- 3.7 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud suatu tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau seksyen 21A ACP.

4. Pengenalan

Secara umumnya, persidangan adalah suatu perjumpaan untuk konsultasi, pertukaran maklumat atau perbincangan di mana penyelidik, ahli akademik dan golongan profesional dapat berkongsi mengenai bidang kerja dan kajian di dalam pelbagai lapangan seperti perubatan, undang-undang, sains, kejuruteraan, teknologi, pengurusan perniagaan dan sebagainya. Penganjur persidangan di Malaysia yang aktiviti utamanya adalah menganjurkan dan mengelolakan persidangan telah diberikan insentif cukai sejak tahun taksiran 1997 apabila mereka membawa masuk sekurang-kurangnya 500 peserta asing setahun.

Di dalam usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan sebagai hos penganjuran persidangan antarabangsa, pihak kerajaan telah memperkenalkan insentif cukai di dalam Bajet 2020 kepada orang yang layak yang aktiviti utamanya adalah selain daripada mempromosi dan menganjurkan persidangan apabila mereka membawa masuk sekurang-kurangnya 500 peserta asing setahun bagi persidangan yang dipromosikan atau dianjurkan.

5. Insentif Cukai

5.1 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No 53) 2000 [P.U.(A) 500/2000]

(a) Kriteria kelayakan bagi penganjur persidangan

Penganjur persidangan mestilah:

- (i) Syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016; atau
- (ii) Sesuatu persatuan atau organisasi yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966; dan
- (iii) Pemastautin di Malaysia di mana aktiviti utamanya adalah menganjur dan mengelola persidangan di Malaysia termasuklah menguruskan penginapan, pelancongan dan darmawisata bagi peserta asing.

(b) Pengecualian cukai

Penganjur persidangan yang layak:

- (i) Bermastautin di Malaysia dan membawa masuk sekurang-kurangnya lima ratus (500) peserta asing untuk menghadiri persidangan yang diadakan di Malaysia dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran; dan
- (ii) Pengecualian ini adalah 100% daripada pendapatan berkanun yang diperolehi daripada mengelolakan persidangan yang diadakan di Malaysia pada tahun taksiran berkenaan.

(c) Tempoh pengecualian

Pengecualian di bawah P.U.(A) 500/2000 adalah berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1997 dan seterusnya.

- (d) Pendapatan berkanun yang diperolehi dari mengelolakan persidangan yang berlangsung di Malaysia

Pendapatan berkanun yang diperolehi daripada mengelolakan persidangan yang berlangsung di Malaysia bermaksud fi dan bayaran lain yang diterima oleh sesuatu syarikat, persatuan atau organisasi dalam melaksanakan tugasnya sebagai penganjur persidangan ditolak perbelanjaan yang dibenarkan bagi maksud percukaian dan elaun modal, jika ada.

Contoh 1

AA Sdn Bhd bermastautin di Malaysia dan aktiviti utamanya adalah mengelolakan dan mempromosikan persidangan tempatan dan antarabangsa di Malaysia. Syarikat telah terlibat dengan beberapa penganjuran untuk mengelolakan dan mempromosikan 5 persidangan di Malaysia pada tahun 2020. AA Sdn Bhd telah membawa masuk 2,000 peserta asing dari serata dunia untuk menghadiri kelima-lima persidangan tersebut. AA Sdn Bhd telah menerima sejumlah bayaran RM1 juta untuk perkhidmatannya. Tahun kewangan AA Sdn Bhd berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Pendapatan berkanun bagi AA Sdn Bhd bagi tahun berakhir 31.12.2020 ke atas pengelolaan persidangan adalah RM500,000.

AA Sdn Bhd telah mengelolakan dan mempromosikan persidangan antarabangsa di Malaysia dan telah membawa masuk sebanyak 2,000 peserta dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2020. Oleh itu, syarikat adalah layak untuk pengecualian cukai ke atas pendapatan berkanun sebanyak RM500,000 yang diperolehi daripada mempromosikan dan mengelolakan persidangan.

Contoh 2

Fakta adalah sama seperti contoh 1 kecuali pada tempoh asas bagi tahun taksiran 2020, AA Sdn Bhd hanya berjaya membawa masuk seramai 490 peserta asing menyertai kelima-lima persidangan yang dikelolakan dan dipromosikan olehnya.

AA Sdn Bhd tidak layak sebarang pengecualian cukai di mana syarat tidak dipenuhi iaitu sekurang-kurangnya 500 peserta asing yang dibawa masuk untuk menghadiri persidangan di Malaysia dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2020.

5.2 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No 4) 2021 [P.U.(A) 195/2021]

(a) Kriteria kelayakan bagi orang yang layak

Orang yang layak mestilah:

- (i) Syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016; atau
- (ii) Persatuan atau organisasi yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966; dan
- (iii) Pemastautin di Malaysia yang menjalankan perniagaan atau aktiviti selain perniagaan atau aktiviti mempromosikan dan menganjurkan persidangan di Malaysia.

(b) Pengecualian

Orang yang layak:

- (i) Perlu membawa masuk sekurang-kurangnya lima ratus (500) peserta asing untuk menghadiri persidangan yang diadakan di Malaysia dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran; dan
- (ii) Pengecualian ini adalah 100% daripada pendapatan berkanun yang diperolehi daripada mengelolakan persidangan yang diadakan di Malaysia pada tahun taksiran berkenaan.

(c) Tempoh pengecualian

Pengecualian di bawah P.U.(A) 195/2021 adalah berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2025.

- (d) Pendapatan berkanun yang diperolehi dari menganjurkan persidangan yang berlangsung di Malaysia

Pendapatan berkanun yang diperolehi daripada menganjurkan persidangan yang berlangsung di Malaysia bermaksud fi dan pembayaran lain yang diterima oleh orang yang layak daripada mempromosikan dan menganjurkan persidangan termasuklah mengurus penginapan, melancong dan darmawisata bagi peserta asing yang diperolehi daripada menganjurkan persidangan yang diadakan di Malaysia, ditolak perbelanjaan yang dibenarkan bagi maksud percukaian dan elaun modal, jika ada.

Contoh 3

XY Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pengilangan produk kecantikan organik tempatan telah memutuskan untuk menganjurkan persidangan untuk penyelidik, pengilang-pengilang dan pengedar produk kecantikan organik. XY Sdn Bhd menganjurkan dan mempromosikan persidangan serta berjaya membawa masuk sejumlah 560 peserta asing dan 900 peserta tempatan untuk persidangan selama 2 hari dari 1.11.2021-2.11.2021 yang berlangsung di Pulau Pinang. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Pendapatan berkanun bagi tahun berakhir 31.12.2021 adalah seperti berikut:

Butiran	RM
Pendapatan berkanun daripada perniagaan pengilangan	800,000
Pendapatan berkanun daripada menganjurkan dan mempromosikan persidangan	30,000
Pendapatan agregat	830,000

Menganjurkan dan mempromosikan persidangan adalah suatu aktiviti selain daripada perniagaan pengilangan. Memandangkan syarikat telah membawa masuk 560 peserta asing untuk menghadiri persidangan yang dianjurkan di Pulau Pinang, maka pendapatan berkanun sebanyak RM30,000 adalah dikecualikan daripada cukai bagi tahun taksiran 2021.

6. Akaun yang Diasingkan

Pihak penganjur yang memohon pengecualian di bawah kedua-dua P.U.(A) 500/2000 atau P.U.(A) 195/2021 dikehendaki menyenggarakan suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada menganjurkan persidangan yang berlangsung di Malaysia.

7. Penghantaran Brang Nyata Cukai Pendapatan

Orang yang menjadi penganjur persidangan atau orang yang layak yang menganjurkan persidangan yang berlangsung di Malaysia adalah dikehendaki mengisi Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang berkaitan. Pemberian pengecualian ke atas kedua-dua P.U.(A) 500/2000 dan P.U.(A) 195/2021 tidak boleh melepaskan penganjur persidangan atau orang yang layak daripada mematuhi apa-apa kehendak supaya mengemukakan apa-apa BNCP atau penyata akaun atau untuk mengemukakan apa-apa maklumat di bawah peruntukan Akta.

8. Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**